

24 MAY 2003

Khalil-ADUN

AMBIL SERIUS TEGURAN PM, KATA KHALIL

KUANTAN, 24 Mei (Bernama) -- Setiap Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) perlu memandang serius teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai wakil rakyat yang malas dan bersikap pentingkan diri sendiri.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata mereka perlu mengambil iktibar daripada teguran itu dengan melaksanakan tanggungjawab dengan sewajarnya.

"Ini merupakan peringatan penting pemimpin. Peringatan yang diberikan bukan yang pertama kali dan Perdana Menteri sering membuat pemantauan dan mengetahui perkembangan mereka (Adun) dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Kolej Komuniti Kuantan di sini, hari ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) semalam bahawa BN akan menggugurkan wakil-wakil rakyatnya yang malas daripada senarai calon pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata wakil-wakil rakyat yang malas menghadiri persidangan Dewan Undangan Negeri, mengabaikan tanggungjawab selepas menang pilihan raya serta mementingkan diri sehingga dibenci rakyat tidak akan dipilih sebagai calon BN.

Di PASIR MAS, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata teguran Dr Mahathir itu adalah untuk kebaikan semua pihak.

Beliau berkata Umno dan BN mahu pemimpin yang berwibawa, amanah dan bertanggungjawab menjalankan tugas yang diamanah oleh rakyat.

"Kita harap apa yang berlaku akan memberi kebaikan kepada semua pihak terutama rakyat," kata Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

-- BERNAMA

MNR BD NAK